

P.U. (A) 199-200.

2262

**Non-application**

6. Section 60G of the Act shall not apply to statutory income exempted under this Order.

Made 7 May 2007

[Perb. CR(8.09)294/6/4-9(SJ. 9)(SK. 13);  
LHDN. 01/35/(S)/42/51/231-17.8; PN(PU<sup>2</sup>)80/L]

TAN SRI NOR MD. BIN YAKCOP  
*Second Minister of Finance*

*[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 127(4) of the Income Tax Act 1967]*

**P.U. (A) 200.**

AKTA LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA 1998

PERINTAH LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (SES) (BUAH KELAPA SAWIT) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 35 Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 [Akta 582], Menteri setelah berunding dengan Menteri Kewangan membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) (Buah Kelapa Sawit) 2007**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2007.

**Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“pengeluar buah kelapa sawit” ertiinya mana-mana orang yang mempunyai—

(a) suatu kebun kelapa sawit yang kluasannya tidak kurang daripada 40.46 hektar; atau

(b) kebun kelapa sawit yang aggregatnya berjumlah tidak kurang daripada 40.46 hektar.

### **Pengenaan ses**

3. Tertakluk kepada perenggan 6, jika harga purata bulanan minyak sawit mentah melebihi RM1,500 satu tan metrik, mana-mana pengeluar buah kelapa sawit hendaklah membayar kepada Lembaga, ses berkenaan dengan tiap-tiap tan metrik atas keluaran sebenar buah kelapa sawit dan kepada dua titik perpuluhan tan metrik buah kelapa sawit yang dikeluarkan olehnya pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual.

### **Pembayaran ses**

4. Mana-mana pengeluar buah kelapa sawit hendaklah membayar ses yang kena dibayar di bawah perintah ini kepada Lembaga tidak lewat daripada hari terakhir setiap bulan dalam sesuatu tahun takwim atas buah kelapa sawit yang dikeluarkan olehnya dalam bulan yang sebelumnya.

### **Pengemukaan penyata**

5. Mana-mana pengeluar buah kelapa sawit hendaklah mengemukakan kepada Lembaga suatu penyata yang benar dan tepat dalam borang yang ditentukan oleh Lembaga berkenaan dengan jumlah buah kelapa sawit yang dikeluarkan olehnya dalam bulan yang sebelumnya dan hendaklah memastikan bahawa penyata itu diterima oleh Lembaga tidak lewat daripada hari ketujuh setiap bulan.

### **Pengecualian ses**

6. Perenggan 3 tidak terpakai kepada pengeluar buah kelapa sawit yang berikut:

- (a) mana-mana skim tanah kerajaan yang ditanam dengan kelapa sawit yang peneroka atau peserta ditempatkan di tanah tersebut; atau
- (b) mana-mana kebun kecil kelapa sawit yang dimiliki oleh individu tetapi diurus dan dikawal oleh agensi-agensi kerajaan.

### **JADUAL**

(Perenggan 3)

#### **KADAR SES BUAH KELAPA SAWIT**

Harga Purata Bulanan Minyak Sawit Mentah* (RM/Tan)	Kadar Ses Buah Kelapa Sawit (RM/Tan)
Kurang atau sama dengan 1,500	0
Melebihi 1,500 hingga 1,600	2.00
Melebihi 1,600 hingga 1,700	4.00
Melebihi 1,700 hingga 1,800	6.00

Harga Purata Bulanan Minyak Sawit Mentah* (RM/Tan)	Kadar Ses Buah Kelapa Sawit (RM/Tan)
Melebihi 1,800 hingga 1,900	8.00
Melebihi 1,900 hingga 2,000	10.00
Melebihi 2,000 hingga 2,100	12.00
Melebihi 2,100 hingga 2,200	14.00
Melebihi 2,200 hingga 2,300	16.00
Melebihi 2,300 hingga 2,400	18.00
Melebihi 2,400 hingga 2,500	20.00
Melebihi 2,500 hingga 2,600	22.00
Melebihi 2,600 hingga 2,700	24.00
Melebihi 2,700 hingga 2,800	26.00
Melebihi 2,800 hingga 2,900	28.00
Melebihi 2,900 hingga 3,000	30.00

\*-Berdasarkan kepada harga purata bulanan minyak sawit mentah Malaysia hebahan MPOB.

Dibuat 23 Mei 2007  
[KPPK 19(05)68/2; PN(PU<sup>2</sup>)606/IV]

DATUK PETER CHIN FAH KUI  
Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

#### MALAYSIAN PALM OIL BOARD ACT 1998

#### MALAYSIAN PALM OIL BOARD (CESS) (OIL PALM FRUIT) ORDER 2007

IN exercise of the powers conferred by section 35 of the Malaysian Palm Oil Board Act 1998 [Act 582], the Minister after consultation with the Minister of Finance makes the following order:

#### Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Malaysian Palm Oil Board (Cess) (Oil Palm Fruit) Order 2007**.
- (2) This order comes into operation on 1 June 2007.

**Interpretation**

2. In this Order, unless the context otherwise requires—

“oil palm fruit producer” means any person who owns—

(a) oil palm holding which is not less than 40.46 hectares; or

(b) oil palm holdings which in aggregate amount to not less than 40.46 hectares.

**Imposition of cess**

3. Subject to paragraph 6, where the monthly average price of crude palm oil exceeds RM1,500 per metric ton, any oil palm fruit producer shall pay to the Board a cess in respect of every metric ton to the nearest two decimal point of oil palm fruit produced by him at the rates specified in the Schedule.

**Payment of cess**

4. Any oil palm fruit producer shall pay the cess payable under this order to the Board not later than the last day of each month of a calendar year on oil palm fruit produced by him during the preceding month.

**Submission of return**

5. Any oil palm fruit producer shall submit to the Board a true and accurate return in such form as may be determined by the Board in respect of the amount of oil palm fruit produced by him during the preceding month and shall ensure that such return is received by the Board not later than the seventh day of each month.

**Cess exemption**

6. Paragraph 3 is not applicable to the following oil palm fruit producer:

(a) any government land scheme with settlers or individuals participant, planted with oil palm; or

(b) any oil palm small holding owned by individuals but managed and controlled by government agencies.

**SCHEDULE**

(Paragraph 3)

**OIL PALM FRUIT CESS RATE**

Monthly Average Price  
Of Crude Palm Oil\*  
(RM/Ton)

Oil Palm Fruit Cess Rate  
(RM/Ton)

Less than or equivalents to 1,500	0
Above 1,500 until 1,600	2.00

Monthly Average Price Of Crude Palm Oil* (RM/Ton)	Oil Palm Fruit Cess Rate (RM/Ton)
Above 1,600 until 1,700	4.00
Above 1,700 until 1,800	6.00
Above 1,800 until 1,900	8.00
Above 1,900 until 2,000	10.00
Above 2,000 until 2,100	12.00
Above 2,100 until 2,200	14.00
Above 2,200 until 2,300	16.00
Above 2,300 until 2,400	18.00
Above 2,400 until 2,500	20.00
Above 2,500 until 2,600	22.00
Above 2,600 until 2,700	24.00
Above 2,700 until 2,800	26.00
Above 2,800 until 2,900	28.00
Above 2,900 until 3,000	30.00

\*-Based on Malaysian monthly average price of crude palm oil published by MPOB.

Made 23 May 2007  
[KPPK 19(05)68/2; PN(PU<sup>2</sup>)606/IV]

DATUK PETER CHIN FAH KUI  
*Minister of Plantation Industries and Commodities*

## P.U. (A) 201.

## AKTA SETEM 1949

## PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN) (No. 5) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(1) Akta Setem 1949 [Akta 378], Menteri membuat perintah yang berikut:

## Nama

- Perintah ini bolehlah dinamakan Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No. 5) 2007.